

TEKS UCAPAN
YBHG. PROF. DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR UTeM



**MAJLIS PERASMIAN MAKMAL AKREDITASI ISO 17025 APPLIED
MECHANICAL DESIGN (AMD)**

22 November 2024 / 3.00 pm

**Makmal AMD Kampus Teknologi
Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal
Universiti Teknikal Malaysia Melaka**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara pengacara majlis

SALUTASI

-Seperti di Lampiran



1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnianya, dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam **MAJLIS PERASMIAN MAKMAL AKREDITASI (ISO 17025)** bagi **Makmal Applied Mechanical Design (AMD) Fakulti**

**Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal (FTKM) Universiti
Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).**

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Pertama sekali, saya ingin merakamkan **penghargaan kepada Smart Manufacturing Technology Centre, Center of Advanced Research on Energy, Applied Mechanical Design Lab, Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal**, kerana menganjurkan majlis yang begitu bermakna pada petang ini. Alhamdulillah, kita panjatkan kesyukuran kepada Allah SWT, kerana dengan izin-Nya, kita semua dapat berkumpul di sini pada petang ini untuk meraikan satu lagi pencapaian penting dalam perjalanan UTeM sebagai universiti teknikal terkemuka.

3. Saya ingin menyampaikan penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada kejayaan majlis ini. Ucapan terima kasih khas ditujukan kepada jawatankuasa penganjur, dan semua yang telah bertungkus lumus memastikan kelancaran perasmian makmal akreditasi ISO 17025 pertama UTeM.
4. Hari ini, kita bukan sahaja meraikan pembukaan sebuah makmal baharu tetapi juga makmal yang telah memenuhi piawaian antarabangsa dengan pensijilan ISO 17025. Saya difahamkan **perjalanan memohon untuk mendapatkan pengiktirafan Makmal Akreditasi ISO 17025 ini bermula dari tahun 2022 selama 3 tahun. Satu masa agak panjang.**

Dan pada 17 Oktober 2024 – Makmal ini berjaya mendapat makmal akreditasi ISO 17025 sehingga 17 Oktober 2029

5. Pensijilan ini mencerminkan **komitmen kita terhadap kecemerlangan dalam akademik, penyelidikan, dan inovasi.** Ia juga menjadi bukti dedikasi UTeM dalam menyediakan kemudahan bertaraf dunia untuk manfaat pelajar, penyelidik, dan industri. Dengan adanya makmal ini, UTeM dan Industri akan dapat:


- a. Memperkasa aktiviti penyelidikan yang lebih berkualiti dan relevan dengan keperluan industri.

- b. Meningkatkan daya saing universiti, bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga di peringkat global.
 - c. Membuka peluang untuk kerjasama strategik dengan lebih banyak rakan industri dan akademik, sekali gus memperkuuh ekosistem inovasi negara.
6. Saya percaya makmal ini menandakan permulaan kepada pencapaian yang lebih besar pada masa hadapan. Mari kita jadikan makmal ini sebagai **pemangkin kepada inovasi yang lebih berimpak**. Bersama-sama, marilah kita terus berusaha untuk meletakkan UTeM sebagai universiti teknikal terkemuka yang diiktiraf di peringkat global.

7. Saya ingin menyampaikan **penghargaan yang mendalam kepada semua yang terlibat dalam usaha mendapatkan pensijilan ISO ini**: Para penyelidik dan staf teknikal yang telah bekerja keras memastikan pematuhan kepada **piawaian yang ketat**. Sokongan daripada fakulti dan pengurusan universiti. Rakan industri yang telah memberikan input dan sokongan yang sangat berharga.


8. Sekali lagi, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada **AMDE Lab** atas majlis **ISO 9001:2015** yang sangat bermakna ini. Semoga makmal ini menjadi lambang kecemerlangan UTeM dan membawa manfaat yang besar kepada masyarakat.

Semoga makmal ini memberi manfaat yang besar kepada pelajar, pensyarah, dan penyelidik dalam menjalankan kajian yang inovatif serta melahirkan penemuan-penemuan baru yang akan membawa manfaat kepada masyarakat dan negara.



Bulan terang di malam nan indah,
Bintang bersinar di langit ceria;
Makmal akreditasi megah terserlah,
Kejayaan bersama kita semua.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih



اوپیزه سیتی تکنیکل ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA